



HUA Wei (kiri) dan Zylane akan bergandingan dalam acara duet teknikal.



Ajitpal Singh

ajitpalsingh@nst.com.my

## Azimat rutin baru

Kuala Lumpur

**P**ersai-  
ngan  
mere-  
but lima pi-  
ngat emas  
dalam acara  
renang berirama dijangka  
menjadi pertarungan antara  
Malaysia dan Singapura.

### ■ Zylane, Hua Wei miliki potensi sambar kilauan emas negara

Renang berirama bermula hari ini dengan acara solo teknikal dan solo bebas dipertandingkan di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Singapura mempunyai

kelebihan psikologi ke atas Malaysia kerana atlet mereka mencatat keputusan lebih baik berbanding peserta negara dalam acara solo teknikal, solo bebas, duet teknikal dan duet be-

bas di Kejohanan Dunia di Budapest, bulan lalu.

Susulan persembahan hambar anak buahnya, jurulatih kebangsaan Long Yan membuat keputusan drastik menukar rutin pe-

renang.

"Saya melihat kelemahan perenang kita di Kejohanan Dunia dan berasakan mereka memerlukan rutin baru. Saya yakin kami mampu menandingi Singapura," katanya.

Zylane Lee Yhing Huey dan Gan Hua Wei dilihat antara atlet berpotensi meraih emas buat pasukan renang berirama negara.

Peluang terbaik Malaysia untuk meraih emas adalah menerusi acara duet teknikal gandingan Zylane dengan Hua Wei.

Hua Wei dan Gan Zhen Yu akan beraksi dalam acara solo teknikal, esok, manakala Zylane dan Foong Yan Nie menyertai acara solo bebas.